

# Dari Sebulan Ke Sebulan

Tengku Abdul Rahman, telah berangkat ke Tokyo kerana menerima jemputan *President Sukarno* yang sedang makan angin disana. Beliau harus berada di Tokyo hanya beberapa jam sahaja. Di dalam perjumpaannya dengan Sukarno diharap kelak membawa kebaikan untuk cita-cita menegakkan Malaysia. Langkah Tengku menerima jemputan ini sebenarnya patut dipuji kerana ini adalah menunjukkan bahawa Tengku berusaha mencari perdamaian dan perbaiki bersama.

\* \* \*

A. Abdul Aziz Bin Ishak yang dahulunya menjadi orang kuat perikatan sekarang telah berpaling tadah telah menjadi lawan perikatan. Bercakap mengenai Malaysia ia meramalkan bahawa mungkin perang saudara berlaku di dalam dan di luar negeri sekiranya gagasan Malaysia tetap dijalankan menurut rencana. A. Abdul Aziz patut pula ditanya dari golongan mana yang hendak melakukan perbuatan itu. Kalau ia mengetahui puncanya mustahak ia menyatakan supaya kerajaan bersiap menghadapinya. Ini tentu dibuat oleh A. Abdul Aziz kalau sekiranya benar-benar ia cintakan tanah air. Tetapi kalau memang dasarnya bertentangan dengan dasar kerajaan yang bersifat Liberal dan ia seorang Sosialist maka tentulah pertentangan ini akan membawa keluasan diluar terutamanya yang kiri. Kalau betul sangkaan ini iaitu jalan-jalan A. Abdul Aziz

berdasar sosialist, orang kepingin tahu apakah socialist kiri atau kanan.

\* \* \*

Rusuhan-rusuhan berlaku dibeberapa tempat di Indonesia terhadap orang-orang Cina. Banyak kedai-kedai cina dan harta bendanya yang lain yang binasa. Kejadian ini mulanya berlaku di Bandung kemudian di daerah lain, melarat ke Sumatera, ke Sulawesi dan Kalimantan. Aidid Ketua Komunis Indonesia menuduh bahawa ini hasutan dari golongan-golongan pro Malaysia. Mudah benar rupanya tuduhan-tuduhan dilemparkan tetapi tidak terbukti sebab terutamanya Malaya adalah memerhatikan sangat terhadap kebaikan masalah bangsa-bangsa yang tinggal bersama-sama. Jika ini dianjurkan oleh golongan penaja Malaysia tentunya akan merosakkan perasaan orang-orang cina yang berada di Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei. Sebab itulah tuduhan Aidid itu dipandang satu pesona semata-mata. Sememangnya tidak ada yang lebih besar membuat pesona daripada orang-orang *communist*.

\* \* \*

Peristiwa rusuhan terhadap orang-orang cina di Indonesia itu, diberitakan dari risik-risik di Indonesia sendiri oleh Guntur, anak sulung,

President Sukarno. Risik-risik itu kuat bertuip  
bahawa Gunturlah yang menganjarkan perbuatan-perbuatan rusuhan  
merosak harta benda orang dengan tidak bersebab. Tetapi  
kemudiannya terpaksa kerajaan Indonesia menafikan yang  
Guntur ada kena mengena didalam persoalan itu. Penafian  
ini mungkin betul dan mungkin pula tidak kerana  
biasanya kalau ada sesuatu yang mengenai orang-orang atasan  
mudah dan lekas sahaja cuba ditutup. Ada orang  
hanya berkata: waallahu a'lam sahaja.

\* \* \*

Ada dua peristiwa yang terjadi dalam bulan Mei  
tahun ini, iaitu mengenai ucapan Sultan Perak  
di atasnya kecuaiannya wakil-wakil rakyat dan mengenai bidasan  
Sultan Selangor atas hak-haknya diatas tanah yang dibelinya.  
Peristiwa itu meriuhkan dan didalam tiap-tiap yang  
ribut itu membawa pula peluang kepada parti pembangkang  
berkokok mengambil peluang untuk menyerang kerajaan. Ini  
sememangnya adat sekarang kerana perjuangan manusia  
sekarang bukannya mencari faedah atau mengambil yang  
jernih tetapi mencari jalan untuk meruntuhkan  
lawan dengan apa cara sekalipun. Hal ini sepatutnya  
menjadi pelajaran bagi pihak-pihak pemegang kerajaan  
supaya kalau terjadi sesuatu hal janganlah lekas  
heboh- heboh menjawab tetapi cari penyelesaian sesama  
sendiri supaya jangan timbul ribut-ribut. Bertenang dan  
bersabar adalah sebaik-baik jalan menghadap orang-orang  
opportunist; atau orang-orang yang suka mengambil peluang  
buat ribut-ribut.

\* \* \*

Didalam majlis bersama-sama wartawan-wartawan xxx  
di Bogor Sukarno telah menyanyikan lagu kebangsaan  
Persekutuan Tanah Melayu dengan rupa mengejek-ngejek  
perbuatan seorang ketua Negara yang seperti itu  
menghairankan orang-orang di dunia kerana tidak sewajarnya  
seorang ketua Negara membuat perbuatan-perbuatan kurang sopan  
dan tidak menghormati perkara yang dihormati orang  
kalau sudah Sukarno berbuat begitu tentulah orang  
bawahannya lebih-lebih lagi. Orang terfikir-fikir apakah President  
Negara Indonesia itu sudah jadi. Ini orang ramai  
dapat memikirkannya sendiri.

\* \* \*

Beberapa hari kemudian daripada peristiwa di Bogor  
itu maka radio, televisyen Singapura telah menyiarkan  
satu cerita drama Tionghua. Seorang pelakonnya  
telah menyanyikan pula irama lagu kebangsaan Persekutuan  
Tanah Melayu itu sebagai sifat nyanyi hiburan. Ini  
tidak menyenangkan hati orang-orang yang kasihkan negaranya.  
Kejadian ini harus kesilapan kerana cerita yang  
ditayangkan itu cerita lama. Tetapi yang mendukacitakan  
orang mengapa pula cerita lama disiarkan dengan tidak  
lebih dahulu ditapis dengan sewajarnya? Satu peringatan  
kepada John Duglo supaya berhati-hati.

\* \* \*

Suatu perbahasan yang hangat tentang taat setia  
kepada Negara Persekutuan Tanah Melayu telah timbul  
di parliament diantara Pas dengan parti-parti pembangkang yang  
lain atas perkara mengenai mengapa kurang benar banyak  
anak-anak melayu didalam angkatan udara sebagai pegawai-pegawainya.

syak atas setia menunaikan tugasnya sememangnya

beralasan juga tetapi buat sekarang sulit hendak

menimbulkan perkara itu. didalam amalan-amalan yang terjadi

di dalam jawatan-jawatan kerajaan, jika masa dahulu yang

terbanyak-banyaknya anak-anak melayu jadi pegawai-pegawainya tetapi sekarang

sesudah banyak pula berubahnya. Hal ini mestilah

mendapat perhatian sebab cara yang sedemikian ini

sebenarnya menimbulkan perasaan-perasaan tidak puas hati

kepada orang-orang melayu yang menjadi teras penduduk-penduduk

di negeri ini. Kerana itu walau bagaimana pun kerajaan

hendaklah berusaha sedapat-sedapatnya untuk menggalakkan

keutamaan diberi oleh orang-orang Melayu di dalam semua

peluang yang terbuka. Galakkan perlu sangat kepada mereka.

\* \* \*



Mahasiswa Melayu yang berada di Darul Ulum University, Deoband India, bergambar beramai-ramai pada Hari Raya


Aidilfitri 1382 kerana mengucapkan selamat berpisah kepada rakan mereka, Ustaz Haji Ambak bin

Ibrahim, Terengganu (yang berpakaian Haji duduk ditengah). Beliau telah pun tempat belajar di Darul Ulum dan

beliau dijangkakan pulang ke Malaya pada tahun ini untuk menyumbangkan perkhidmatannya didalam perkembangan agama

Islam yang maha suci.

- kiriman: Wan Abdul Razak Azmi- Deoband



Fadhilah al-Shaikh Hussein Bakar Rafiq, Mudir Madrasah al- Mashoor Pulau Pinang (ditengah-tengah) sedang diraikan oleh penuntut-penuntut kelas al-Thanawi al-Rabi' dan para guru dihadapan bangunan madrasah tersebut, berhubung pelayarannya menunaikan fardhu haji Ke Makkah disamping melawat Kaherah. Beliau telah berlepas dengan kapal terbang pada bulan April yang lalu atas perbelanjaan Kerajaan Persekutuan-  
- kiriman Ismail Daud



Barisan puteri-puteri Republik Arab bersatu sedang mengambil bahagian di dalam perayaan menyambut Hari Kebangsaan dengan penuh semangat ke tanah airan<sup>1</sup>.

<sup>1</sup> Perkataan asal tanha airnya.